

ARKEOPELANCONGAN DI MALAYSIA: Antara Prospek dan Cabaran. Oleh Adnan Jusoh. 2022. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Halaman 235. ISBN 9789672799177.

Buku Arkeopelancongan di Malaysia antara prospek dan cabaran distrukturkan sebanyak enam bab dan keseluruhan perbincangan berkisar kepada prospek dan cabaran dalam sektor arkeopelancongan di Malaysia. Arkeopelancongan merupakan subsektor penting dalam industri pelancongan negara. Sektor pelancongan ini sudah lama berkembang di luar negara namun masih dalam proses membangun di Malaysia. Dalam menelusuri topik berkaitan, terdapat juga beberapa orang penyelidik lain yang hanya menyentuh mengenai skop arkeopelancongan secara umum. Hal ini berkemungkinan disebabkan skop kajian mereka lebih terarah kepada subsektor pelancongan yang lain. Kekangan dalam penulisan kontemporari menyebabkan tahap literasi orang awam di negara ini khususnya mengenai sektor arkeopelancongan agak terbatas kerana kurang diberikan tumpuan.

Bab pertama buku ini menjelaskan secara umum mengenai fenomena dan perkembangan industri pelancongan di Malaysia. Malaysia memiliki khazanah alam semula jadi yang indah dan unik kerana landskapnya diliputi hutan hujan tropika yang menghijau, iklim serta cuaca yang tidak melampau, banjaran gunung-ganang yang cantik, pulau dan pantai serta pelbagai spesies flora dan fauna. Kesemua khazanah warisan tersebut adalah aset yang sangat bernilai dan sebagai daya tarikan kepada industri pelancongan. Kekuatan Malaysia juga kerana memiliki sejumlah aset pelancongan berimpak tinggi seperti tapak arkeologi, tapak tanah bersejarah, monumen dan bangunan bersejarah. Di samping itu, negara juga memiliki pelbagai jenis warisan ketara dalam bentuk artifak dan objek yang menarik. Warisan tidak ketara seperti seni silat, tarian, kraf, pertukangan, perubatan tradisional, ritual dan pantang larang turut menjadi nadi serta daya penarik. Keunikan alam semula jadi dan warisan budaya masyarakatnya menempatkan Malaysia sebagai salah satu lokasi yang sesuai sebagai destinasi pelancongan. Sejarah penglibatan negara dalam industri pelancongan bermula pada tahun 1959 dan Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC) ditubuhkan sebagai agensi yang diberikan tanggungjawab. Sumbangan sektor pelancongan terhadap ekonomi negara yang signifikan menyebabkan pihak kerajaan memberikan perhatian khusus. Arkeopelancongan di Malaysia masih lagi baharu tetapi mempunyai prospek untuk terus berkembang. Secara keseluruhannya, Bab Pertama ini penting untuk dihayati kerana mengandungi soroton literatur sarjana dari dalam dan luar negara yang mendalami bidang pelancongan. Maklumat tersebut juga dimasukkan dalam bahagian bibliografi.

Dalam bab seterusnya, penulis telah memberikan penerangan mengenai konsep pelancongan. Pelancongan dari segi konsep merujuk kepada aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke sesuatu tempat lain yang melebihi 50 batu dari tempat kediaman tidak melebihi tempoh satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang. Walau bagaimanapun, *World Tourism Organization* mentafsirkan pelancongan sebagai aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat keluar daripada persekitaran asalnya dan menetap di situ tidak lebih daripada setahun bagi tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya. Sektor pelancongan mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Hal yang demikian berdasarkan jangkaan bahawa sektor tersebut berupaya menyumbang sebanyak RM80 bilion setahun sekiranya diurus dan berlangsung dengan baik. Sepanjang tempoh dari tahun 2000 hingga 2009, jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia

meningkat daripada 10.2 juta orang kepada 23.6 juta orang. Pendapatan negara dalam sektor ini turut meningkat daripada RM17 bilion kepada RM53 bilion. Kedatangan pelancong memberikan limpahan rahmat apabila membantu meningkatkan ekonomi melalui pengaliran masuk mata wang asing ke dalam negara. Kedudukan Malaysia berada di tangga ke-3 selepas China dan Thailand berdasarkan laporan *World Tourism Organisation 2017*. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan yang ketara berikutan beberapa fenomena dunia seperti ancaman wabak penyakit dan juga iklim politik dunia yang tidak menentu.

Tumpuan Bab Ketiga pula ialah terhadap arkeopelancongan di Malaysia yang membincangkan persoalan mengenai konsep, matlamat, implementasi, ciri-ciri dan kedudukannya dalam industri pelancongan. Arkeopelancongan adalah bidang pelancongan yang berkait rapat antara tapak warisan arkeologi dan tapak bersejarah. Bidang tersebut melibatkan warisan, arkeologi, pelancongan dan konservasi. Seterusnya skop perbincangan memfokuskan kepada beberapa kluster arkeopelancongan di Malaysia berdasarkan ciri-ciri tertentu. Arkeopelancongan (archo-tourism) adalah merupakan kombinasi dua perkataan iaitu arkeologi dan pelancongan. Ini bermakna, arkeopelancongan ialah sesi lawatan ke destinasi pelancongan yang berasaskan tapak arkeologi. Ini juga sinonim dengan tafsiran yang diberikan oleh sarjana lain seperti Surabhi Srivastava (2015). Lawatan dan minat yang dicetuskan adalah dorongan serta keinginan untuk merasai sejarah masa lampau dan mempelajari tentang budaya kuno ataupun aspek yang berkaitan dengan sejarah tempat yang dilawati. Dengan kata lain, arkeopelancongan merupakan usaha untuk menarik kedatangan pelancong melawat ke tapak arkeologi dan tapak bersejarah.

Matlamat arkeopelancongan bukan sahaja untuk mewujudkan kesefahaman dalam kebudayaan yang tergolong dalam persekitaran dan memulihara ekosistem, malahan bertujuan menjana pulangan dalam bentuk ekonomi bagi menggalakkan pemuliharaan alam sekitar. Arkeopelancongan boleh dikategorikan kepada empat dan mempunyai ciri-ciri yang khusus. Kategori tersebut ialah arkeologi, sejarah, warisan budaya dan alam semula jadi. Elemen yang harus diberikan perhatian ialah sesuatu tapak arkeopelancongan seharusnya memiliki ciri-ciri arkeologi sama ada dalam bentuk artifak, informasi dan data. Elemen sejarah pula perlu dikaitkan dengan sesuatu peristiwa, tragedi atau kejadian yang penting kepada sejarah tempatan, tokoh, negeri atau negara. Elemen fizikal dalam bentuk monumen atau bangunan bersejarah yang mempunyai perkaitan perlu ditonjolkan dan mampu memberikan manfaat kepada pengunjung dalam bentuk kepuasan minda, membangkitkan inspirasi serta nostalgia, informasi atau berbentuk santai. Di samping itu, setiap tapak arkeopelancongan perlu memiliki sekurang-kurangnya satu ikon yang sangat menonjol dan mampu mempopularkan klusternya. Ciri terakhir yang penting ialah tapak arkeopelancongan yang dilawati boleh dicapai dalam tempoh yang tidak terlalu lama dengan anggaran radius berkeluasan sekurang-kurangnya 50-100 kilometer. Di Malaysia, kluster arkeopelancongan terdiri daripada kluster Melaka, Lembah Bujang, Lenggong, Lembah Kinta dan Jugra. Setiap kluster mempunyai bidang utama yang secara tidak langsung menggambarkan kekuatan atau signifikan dalam konteks sejarah negara. Kekuatan bidang utama pula akan disokong oleh elemen tambahan berasaskan arkeologi, sejarah, budaya dan alam semula jadi. Perkembangan dalam industri pelancongan turut dipengaruhi oleh kecanggihan media sosial melalui sentuhan dalam menyebarkan informasi berkaitan sesuatu lokasi pelancongan. Justeru itu, fokus perbincangan turut diberi perhatian untuk menilai kekuatan dan kelemahan setiap kluster tersebut dalam usaha untuk menarik kedatangan pelancong. Penulis telah menyampaikan mesej

penting bahawa arkeopelancongan bukan sahaja berupaya menggarap tinggalan sejarah tamadun manusia, tetapi juga turut berpeluang menyaksikan ekskavasi yang dilakukan oleh pengkaji.

Alam semula jadi dan warisan budaya menjadi salah satu kekuatan dalam konteks arkeopelancongan serta diberikan tumpuan dalam perbincangan bab keempat. Secara realitinya, kewujudan warisan alam semula jadi adalah dipengaruhi oleh faktor geografi manakala warisan budaya pula berkait rapat dengan aspek sejarah dan budaya masyarakat setempat. Akta Warisan Kebangsaan 2005 mentafsirkan bahawa alam semula jadi adalah khazanah warisan yang sangat berharga kepada sesebuah negara dan merangkumi skop yang luas dengan elemen geografi serta ciri-ciri bentuk muka bumi sebagai faktor utamanya. Keunikan alam semula jadi di Malaysia boleh dilihat dalam pelbagai rupa bentuk seperti keindahan pantainya yang putih, bersih, pulau-pulau kecil, lagun atau hutan rimba. Selain itu, keunikan dalam bentuk air terjun, tasik, teluk, jeram, gua batu kapur, gunung, banjaran tanah tinggi, permatang dan sebagainya turut berperanan sebagai daya penarik industri tersebut.

Produk warisan dan budaya pula adalah manifestasi identiti dan ciri-ciri budaya masyarakat tempatan. Ini merujuk juga kepada hasil ciptaan manusia yang mempunyai nilai dan kegunaan dalam masyarakat suatu ketika dahulu. Dalam konteks ini, aspek warisan berperanan signifikan kerana terangkum di dalamnya. Kerencaman masyarakat Malaysia merupakan keunikan dan ini menambahkan lagi keinginan pelancong datang ke sesuatu lokasi. Kebudayaan ketara merujuk kepada kepuasan para pengunjung apabila dapat melihat atau menyentuh sesuatu objek yang dilawati. Sebaliknya kebudayaan tidak ketara lebih kepada ungkapan bahasa, sebutan lidah, pepatah, nyanyian lagu rakyat, tradisi lisan, muzik, busana dan sebagainya. Dengan kata lain, kedua-dua elemen tersebut saling melengkapi dan menjadi tarikan kepada pengunjung ke sesuatu lokasi.

Terdapat juga bab penting dalam buku ini yang membincangkan mengenai prospek, cabaran dan langkah bagi mengembangkan lagi sektor arkeopelancongan. Apa yang menariknya di dalam perbincangan ini ialah apabila penulis berhujah berdasarkan fakta yang diperoleh ketika melaksanakan kajian lapangan. Perbincangan tersebut turut disokong dengan evidens berupa gambar. Umum mengetahui bahawa sektor pelancongan mempunyai prospek yang besar namun perlu bergelut dengan cabaran dari dalam dan luar yang sentiasa mendatang. Ekosistem dunia yang tidak menentu seperti konflik kemanusiaan di Timur Tengah dan pandemik Covid-19 turut memberikan impak terhadap industri tersebut. Oleh kerana industri tersebut berpeluang besar menjana pendapatan negara, maka segala potensi yang ada perlu dimanfaatkan dengan semaksima mungkin. Sebagai contohnya ialah tapak arkeologi di Malaysia khususnya Lembah Lenggong wajar diberikan perhatian khusus dari segi data arkeologinya disebabkan oleh kepentingan sejarah serantau. Elemen yang berkaitan dengan pensejarahan negara adalah saling melengkapi dalam membina kronologi sejarah bermula tempoh masa zaman prasejarah hingga negara mencapai kemerdekaan. Tambahan pula sesuatu tapak bersejarah yang berkaitan dengan peristiwa penting seperti tapak kubu, kota, monumen, bangunan bersejarah, pusara dan kearifan tempatan sangat bermanfaat dari segi kepentingan nasional. Justeru itu, usaha-usaha pelestarian bagi memperkasakan agenda tersebut perlu dilipatgandakan.

Kedudukan Malaysia yang terletak dalam gugusan Alam Melayu dan susun galur sejarah serta budaya yang hampir sama menjadikannya sebagai salah satu faktor penting pengunjung luar

memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Akar budaya yang menjadi teras kepada negara Malaysia ialah budaya Melayu ditambah pula dengan akses politik yang berperanan sebagai *pull factor*. Agama Islam dan institusi beraja turut menjadi kekuatan terhadap sektor pelancongan. Ini diterjemahkan terhadap kemudahan mendapatkan makanan halal, kemudahan beribadat dan ikon pelancongan yang bercorak Islamik. Sebagai contohnya, sehingga kini terdapat lebih 5,000 buah masjid di Malaysia yang unik. Taman Tamadun Islam di Terengganu tersohor kerana mempunyai replika masjid dari beberapa negara terkenal di dunia. Mengunjungi destinasi tersebut boleh dijadikan sebagai langkah awal sebelum memulakan perjalanan ke destinasi pelancongan yang berasaskan lawatan ke masjid lain di hampir seluruh dunia.

Salah satu elemen penting ialah lokasi sesebuah tapak pelancongan yang mempunyai akses prasarana dan akses politik. Penyelesaiannya juga bergantung kepada pembiayaan, halangan fizikal berupa jarak dan keupayaan bekerjasama dengan destinasi. Walau bagaimanapun, tidak semua tapak warisan arkeologi yang berpotensi dalam aspek arkeopelancongan. Kedudukan yang berselerak dan tidak strategik turut memberikan impak terhadap kerja penyelenggaraan dan pemantauan. Antara lokasi tersebut ialah Kota Johor Lama yang terletak di Kota Tinggi, Johor, Long Pasia, Sabah atau Gua Niah, Sarawak yang terletak jauh dari pusat bandar. Hal ini turut merencatkan perkembangan sektor arkeopelancongan. Kondisi tapak warisan yang tidak terurus turut memberikan impak negatif. Senario tersebut berlaku di lokasi Istana Sepachandera, Kedah dan Kota Ngah Ibrahim, Perak. Kekangan kewangan, kepakaran dan isu pemilikan hak milik tanah juga turut menjadi sebahagian daripada cabaran. Kedudukan gua-gua batu yang mempunyai keunikan turut menerima tempas pembangunan dengan aktiviti kuari seperti di Lembah Kinta, Perak. Hal tersebut bertambah kritikal berikutan hakisan, runtuhannya gua batu kapur dan perbuatan vandalisme. Industri pelancongan di Malaysia mempunyai prospek yang besar untuk dikomersilkan kerana setiap kluster mempunyai kekuatan tersendiri. Hal yang demikian bertambah unik berikutan tapak arkeopelancongan di Malaysia mampu menggamit nostalgia mengenai semangat leluhur kerana persamaan budaya. Tambahan pula tapak arkeopelancongan mempunyai kekuatan dan nilai sejarah yang tinggi diikuti dengan imej positif Malaysia di persada antarabangsa. Beberapa cabaran yang dialami dalam sektor arkeopelancongan negara perlu ditangani secara berhemah demi menonjolkan sektor ini sebagai salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara.

Bab terakhir dalam buku ini merumuskan perbincangan secara keseluruhan khususnya tentang perkembangan sektor arkeopelancongan di Malaysia. Tuntasnya sektor pelancongan menjana pendapatan yang lumayan untuk negara. Usaha promosi dan jaringan kerjasama yang dilaksanakan oleh institusi serta sektor awam dan swasta mendorong kepada kemunculan beberapa subsektor baharu seperti ekopelancongan, pelancongan warisan, pelancongan lestari, pelancongan sukan, pelancongan perubatan, pelancongan pendidikan, pelancongan sempadan dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat memberikan nafas kreatif dan berdaya saing. Industri tersebut juga mampu membuka ruang pekerjaan baharu sama ada di kawasan desa, pekan atau di bandar. Pelbagai bentuk kerjaya baharu dapat diteroka seperti pemandu pelancong, pengusaha makanan, perhotelan, Inapdesa, fotografi, dan sebagainya yang mampu merancakkan sektor perekonomian negara. Walau bagaimanapun, sektor arkeopelancongan turut terkesan dengan pembangunan secara tidak terancang seperti pembinaan kilang haram, bengkel, premis perniagaan, taman perumahan dan sebagainya. Senario tersebut berlaku kerana ketiadaan perancangan yang bersifat

holistik sehingga menyebabkan tapak arkeologi terlepas pandang. Perubahan pucuk kepimpinan negara turut memberikan impak kerana akan menyebabkan polisi pembangunan diubahsuai. Hal ini turut merencatkan pembangunan yang telahpun dirancang rapi.

Keupayaan menguruskan tapak warisan bukan bererti kita hanya mengekalkan kelestariannya namun berupaya menjana pendapatan negara dan seterusnya memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Walaupun sektor arkeopelancongan agak baharu berkembang di negara kita, namun realitinya ia amat signifikan dan berpotensi untuk melonjakkan lagi industri pelancongan di negara ini agar kompetitif khususnya dalam konteks negara serantau. Kombinasi tapak warisan sama ada tapak arkeologi, tapak bersejarah, budaya dan alam semula jadi amat berpotensi untuk digembleng bagi menarik kedatangan pelancong serta sekali gus menjana ekonomi negara. Banyak tapak warisan yang mempunyai prospek untuk menarik pelancong ke negara kita wajar dibangunkan dengan pelbagai kemudahan untuk menyokong perkembangan sektor ini. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai warganegara Malaysia berperanan signifikan dalam memartabatkan sektor arkeopelancongan negara.

Secara keseluruhannya, olahan dan perbincangan buku ini digarap dalam bentuk tematik bagi memudahkan pemahaman pembaca khususnya orang awam dan pelajar. Gaya Bahasa yang digunakan juga mudah dan ini memberikan kefahaman kepada pembaca. Naskhah ini lengkap dan mempunyai kekuatan tersendiri kerana dihasilkan berasaskan penyelidikan konsisten di lapangan antara tahun 2010 hingga 2021. Tempoh selama 12 tahun dalam melaksanakan penyelidikan menjadikan penulisan ini mempunyai nilai keserjanaan yang tinggi. Di samping itu, metodologi penyelidikan yang dilaksanakan secara kajian lapangan, analisis dokumen dan rujukan terhadap sumber sekunder seperti buku menjadikan naskhah ini menarik serta berautoriti. Buku ini juga signifikan kerana sehingga kini tiada penulisan lengkap yang membincangkan mengenai sektor arkeopelancongan di Malaysia secara komprehensif dan menyeluruh. Di samping itu, penulis juga turut memasukkan lakaran dan gambar lokasi yang dibincangkan bagi memudahkan kefahaman khalayak. Kandungan dalam buku ini agak bercorak ilmiah dan pengkaji yang baharu mendalami bidang tersebut perlu membuat rujukan tambahan yang lain bagi mendapatkan kefahaman awal. Walau bagaimanapun, karya ilmiah ini penting dalam disiplin yang berkaitan arkeopelancongan di Malaysia.

Mohamed Ali Haniffa (PhD), Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Jayakumary A/L Marimuthu (PhD), Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Darul Aman, Kedah.

Ayu Nor Azilah Mohamad, Universiti Islam Selangor.